



**MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**  
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



**KENYATAAN TENDER  
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dalam Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

**CADANGAN KERJA-KERJA NAIKTARAF SISTEM ELEKTRIKAL SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN  
DI IKM KUCHING, SARAWAK.**

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER/LAWAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
0003/2025	CIDB Gred : G4 Kategori: E Pengkhususan: E04	05/02/2025 (Rabu) 10.00 pagi  Bilik Seminar, IKM Kuching, Sarawak.	06/02/2025 (Khamis) Hingga 19/02/2025 (Rabu)  Nota : Penjualan Tender di Pejabat MARA Negeri Sarawak Bangunan MARA Plaza Astana, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.	RM100.00	27/02/2025 (Khamis) (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendengar taklimat tender dan membeli dokumen.
- SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) oleh CIDB.
  - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) oleh CIDB ATAU SIJIL oleh UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR & JURUPERUNDING (UPKJ).
  - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) ATAU PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA oleh UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR & JURUPERUNDING (UPKJ).
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi pendaftaran dan membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / KIRIMAN WANG / DEBIT CARD** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** serta melalui <https://bayar.maraeps.my> dan wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang), / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin -hari Khamis, ( 8.30 pagi - 11.45 tengahari), / (2.15 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di atas. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. **Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA berdaftar yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan CIDB untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.**
6. Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat “Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan” yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB dan “ Surat Kebenaran Khas menyertai tender bagi Gred yang lebih tinggi/rendah” adalah juga tidak diterima.
7. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
8. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender dan Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti di alamat di bawah :

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)**  
**LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**  
**Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari**

10. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
11. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
12. Sebarang urusan Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.